

20/06/1998

Pemerhati asing puji ucapan Dr M

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pemerhati asing yang menghadiri Perhimpunan Agung Umno kali ini menyifatkan ucapan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mencakupi isu sejagat kerana ia tidak semata-mata menyentuh aspek politik sahaja.

Sebaliknya, kata mereka, amanat Perdana Menteri semalam turut berkisar soal ekonomi dan sosial yang boleh dijadikan panduan negara lain di rantau ini.

Wakil Parti Demokrat Thailand, Ong-ard Klampaiboon, berkata peringatan mengenai keadaan ekonomi masa kini tidak hanya berlaku di Malaysia, tetapi juga Thailand.

"Walaupun kenyataan Dr Mahathir menyentuh pemikiran serta langkah yang boleh diambil di Malaysia, ia sebenarnya mampu dilakukan di negara lain di rantau ini.

"Sehubungan itu, ia bukan saja perlu diamalkan ahli Umno sendiri, sebaliknya boleh dipraktikkan ahli parti negara lain," katanya yang Ahli Parlimen Bangkok.

Mengenai kenyataan Dr Mahathir berhubung isu kronisme dan nepotisme, Klampaiboon berkata, soal itu sewajarnya dikaji terlebih dahulu kesannya sebelum dijadikan satu perbincangan.

Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perhubungan Luar Parti Komunis Vietnam, Pham Van Chuong, berkata amanat Presiden itu turut memberi keyakinan kepada negara anggota rantau ini untuk terus berusaha memulihkan ekonomi.

"Dengan segala usaha dan hubungan baik antara negara anggota Asean, saya yakin isu kegawatan ekonomi rantau ini dapat diatasi," katanya.

Beliau yang membaca teks terjemahan ucapan presiden itu, turut memuji Dr Mahathir kerana berupaya memberi peringatan yang bernas serta lengkap.

Seorang lagi pemerhati, Timbalan Menteri Luar Bosnia, Huso Zivali, berkata kunci kekuatan Malaysia dalam menangani kegawatan ekonomi ialah perpaduan rakyatnya.

"Setiap negara mempunyai kekuatan dan kelemahannya tersendiri. Tetapi bagi Malaysia agak berbeza. Perpaduan rakyatnya adalah penawar nombor satu ..." katanya.

(END)